

Sultan: Tak salah buat pengubahsuaian birokrasi
Malaysiakini.com
March 28, 2011

Sultan Selangor Tuanku Sharafuddin Idris Shah, hari ini bertitah bahawa tidak salah bagi birokrasi kerajaan lesu, yang boleh menghalang pelaksanaan dasar 'diubah'.

"Beta berharap masalah birokrasi kerajaan tidak akan menjadi penghalang berterusan kepada manfaat yang lebih banyak diperolehi.

"Jika perlu pengubahsuaian sistem pentadbiran kerajaan boleh diperkenalkan untuk menangani masalah tersebut," titah Baginda ketika merasmikan pembukaan DUN Selangor di Shah Alam.

Titahnya, penjawat awam mesti sedar bahawa mereka menjadi barisan hadapan dalam pelaksanaan dasar awam di negeri itu.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/159867>